

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JANUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Kenaikan harga makanan perlu dikawal

Kenaikan harga makanan perlu dikawal

Ada peniaga gerai makan dan restoran menaikkan harga sehingga 40 peratus

ALOR SETAR

Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dengan lebih ketat terhadap peniaga sekiranya berlaku pencatatan berikut harga makanan dan minuman di gerai dan restoran yang melonjak.

Presiden Majlis Penasihat Pengguna Negara, Mohd Azmi Abdul Hamid berkata, berdasarkan tinjauan harga purata makanan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), peningkatan harga makanan di negara ini adalah membimbangkan.

Beliau berkata, antara aduan yang diterima daripada pengguna ialah terdapat pengusaha gerai makan dan restoran menaikkan harga pada kadar 10 hingga 40 peratus.

"Dalam subkumpulan makanan dan minuman, harga daging dan ayam meningkat menyebabkan inflasi tertinggi bahan mentah itu berbanding barang lain. Ini meningkatkan harga makanan masak di kedai makan termasuk gerai."

"Alasan pengusaha, mereka terpaksa menaikkan harga kerana kebanyakan bahan mentah seperti minyak masak, gula, sayuran, ikan, bijiran dan telur daripada pembekal telah menaikkan harga," katanya di sini pada Selasa.

Mohd Azmi yang juga Presiden

LAPORAN
MUKA
DEPAN



MOHD AZMI



FOTO: MUKHRIZ MAT HUSIN

Peniaga memberi alasan terpaksa menaikkan harga susulan kebanyakan kenaikan harga bahan mentah daripada pembekal.

Majlis Perundungan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) berkata, bila berlaku kenaikan harga bahan mentah, tidak sewajarnya harga makanan bermasak dan minuman dinaikkan tanpa kawalan.

"Pengguna harus melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup melalui Ezy Adu jika benar terdapat kedai makan menaikkan harga secara melampau.

"Kenaikan dirasai pengguna, khususnya mereka yang bekerja dan makan di luar," ujarnya.

Menurut beliau, golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai pilihan juga akan berdepan kos sara hidup yang semakin tinggi.

"Menaikkan harga makanan secara berlebihan juga akhirnya akan menjelaskan peniaga sendiri apabila pengguna membuat pilihan. Mereka boleh menggunakan kuasa pengguna untuk membeli atau tidak."

"Namun, kenaikan melampau perlu dikawal dan pihak berkusa perlu memantau. Walaupun tanda harga wajib dipamerkan di restoran namun peniaga yang menetapkan harga makanan," ujarnya lagi.

Mohd Azmi berkata, kuasa dan

suara pengguna wajar diaktifkan.

"Persatuan restoran mestinya membantu mengurangkan harga makanan ke tahap munasabah. Mereka harus mengambil kira golongan berpendapatan rendah yang berdepan tekanan kos sara hidup," katanya.

Tambah beliau, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepenggunaan juga boleh melakukan pemantauan untuk mendedahkan amalan pencautan.

"Kerajaan pula harus berusaha mengurangkan kebergantungan kepada bahan mentah import dalam jangka panjang. Pada masa sama, kerajaan perlu mengambil langkah meningkatkan pengeluaran domestik serentak dengan pengurangan barang import," tegasnya.

Selain itu, Azmi turut menyarankan orang ramai agar mengurangkan tabiat makan di luar.

Sebelum ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengakui kerajaan tidak mampu campur tangan terhadap kenaikan harga makanan di semua gerai dan restoran serta mengharapkan kerjasama orang ramai untuk membolot atau memulakan permis yang gagal menurunkan harga.

Katanya, kerajaan terkilan dengan sikap pengusaha restoran dan kedai makan yang gagal menurunkan harga makanan, walaupun kos bahan mentah dalam pasaran kini menunjukkan penurunan.